



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

## **KENYATAAN MEDIA**

**BIL.9/ 2018**

### **KHIDMAT POS MALAYSIA PASTIKAN KECEKAPAN DAN KETELUSAN PROSES UNDI POS PADA PRU14.**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ingin menjelaskan bahawa penggunaan perkhidmatan Pos Malaysia Berhad bagi urusan penghantaran kertas undi pos kepada pengundi luar negara dalam urusan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) adalah untuk memastikan kecekapan dalam urusan penghantaran kertas undi pos kepada pengundi terbabit. Disamping itu ianya juga mengambil kira aspek ketelusan kerana Pos Malaysia adalah pihak yang berkecuali.
2. SPR juga ingin memaklumkan bahawa khidmat Pos Malaysia adalah untuk penghantaran sahaja dan kosnya ditanggung oleh SPR. Manakala untuk pengembalian semula kertas undi pos yang telah ditanda, pengundi boleh mengembalikannya semula dengan menggunakan perkhidmatan mana-mana syarikat penghantaran, dan kos pengembalian semula itu adalah ditanggung sendiri oleh pengundi pos terbabit. Pengundi juga hendaklah mengembalikan kertas undi pos tersebut kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya untuk pengiraan undi sebelum jam 5 petang pada hari mengundi.
3. Dalam hal ini, SPR telah mendapat jaminan daripada pihak Pos Malaysia mengenai aspek keselamatan dan kerahsiaan di mana

